

# Notis Privasi Calon Global

## (“Notis Privasi”)

11 2024, versi 3.0



## **Notis Privasi Calon Global ("Notis Privasi")**

11 2024, versi 3.0

### **Jadual Kandungan**

<b>Notis Privasi Calon Global ("Notis Privasi") .....</b>	<b>1</b>
<b>Siapakah yang bertanggungjawab terhadap data peribadi anda? .....</b>	<b>3</b>
<b>Kegunaanakaian Notis Privasi ini.....</b>	<b>4</b>
<b>Apakah data peribadi yang kami kumpulkan dan mengapa? .....</b>	<b>4</b>
Secara langsung daripada anda.....	4
Secara tidak langsung, daripada sumber lain .....	5
<b>Apa yang kami lakukan dengannya? .....</b>	<b>6</b>
<b>Dengan siapa kami kongsikannya? .....</b>	<b>7</b>
<b>Berapa lamakah kami menyimpan data peribadi anda?.....</b>	<b>7</b>
<b>Bagaimanakah kami melindungi data peribadi? .....</b>	<b>8</b>
<b>Hak Anda .....</b>	<b>8</b>
<b>Maklumat penting lain yang anda perlu ketahui .....</b>	<b>9</b>
Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) .....	9
Pemindahan data antarabangsa .....	10
Perubahan kepada Notis Privasi ini .....	11
<b>Hubungi Kami.....</b>	<b>11</b>

**Notis Privasi ini menerangkan bagaimana, bila dan mengapa kami mengumpul dan menggunakan data peribadi anda apabila anda berinteraksi dengan Givaudan sebagai seorang calon. 'Data peribadi' adalah apa-apa maklumat atau set maklumat yang boleh mengenal pasti anda sebagai individu seperti nama, alamat, nombor telefon, alamat e-mel anda serta apa-apa maklumat lain mengenai anda yang mungkin diperoleh oleh Givaudan daripada anda secara langsung atau tidak langsung.**

Kami bertekad untuk bersikap telus dalam cara kami mengumpul dan menggunakan data peribadi anda dan bagaimana kami melindunginya. Kami juga sedar terhadap keperluan anda untuk mengawal data peribadi anda dengan munasabah.

Notis Privasi ini akan membantu anda memahami:

- Siapakah yang bertanggungjawab terhadap data peribadi anda?
- Kegunaan/pakaian Notis Privasi ini
- Apakah data peribadi yang kami kumpulkan dan mengapa?
- Apa yang kami lakukan dengannya?
- Dengan siapa kami kongsikannya?
- Berapa lamakah kami menyimpan data peribadi anda?
- Bagaimanakah kami melindungi data peribadi?
- Hak anda
- Maklumat penting lain yang anda perlu ketahui

### **Siapakah yang bertanggungjawab terhadap data peribadi anda?**

Pengawal data adalah entiti sah yang bertanggungjawab terhadap data peribadi yang dikumpulkan daripada anda. Ia menentukan bagaimana, bila dan mengapa ia mengumpul dan menggunakan data peribadi anda. Givaudan adalah sebuah syarikat multinasional yang beroperasi di seluruh dunia. Pengawal data untuk data peribadi anda bergantung pada cara anda menghantar permohonan anda:

Jika anda telah menghantar permohonan anda di portal Kerjaya Givaudan, melalui agensi pengambilan pekerja atau melalui portal media sosial (contohnya LinkedIn), pengawal data anda ialah Givaudan International SA, Chemin de la Parfumerie 5, 1214 Vernier, Switzerland.

Jika anda telah menghantar permohonan anda dengan menyerahkan CV dan dokumen sokongan anda kepada kolaborator Givaudan di salah satu pejabat kami di seluruh dunia, pengawal data anda adalah entiti sah yang menguruskan pejabat di mana anda telah serahkan CV anda.

Senarai entiti sah Givaudan menurut lokasi dan butiran mereka boleh didapati dalam [laporan tahun](#) terkini kami.

Sekiranya anda belum menghantar permohonan anda untuk sebarang jawatan lagi, walaupun anda telah memberi kami kebenaran anda untuk menyimpan resume anda untuk memberitahu anda sama ada jawatan yang sesuai dibuka di Givaudan, pengawal data adalah Givaudan International SA, Chemin de la Parfumerie 5, 1214 Vernier, Switzerland.

### **Kegunaan Notis Privasi ini**

Notis Privasi ini terpakai kepada mana-mana individu yang mencipta profil di portal kerjaya Givaudan dan/atau memohon untuk satu atau lebih daripada satu jawatan di Givaudan.

### **Apakah data peribadi yang kami kumpulkan dan mengapa?**

#### **Secara langsung daripada anda**

Kami mengumpul dan menggunakan data peribadi yang anda berikan kepada kami apabila anda memohon untuk satu atau lebih daripada satu jawatan terbuka di Givaudan atau anda mengemukakan permohonan generik, seperti berikut:

**Portal kerjaya:** Apabila anda memohon melalui portal kerjaya kami atau jika anda mencipta profil kerjaya, kami akan meminta anda untuk memberikan maklumat tertentu, termasuk nama, jantina, kewarganegaraan, alamat e-mel, nombor telefon, kelayakan, pengalaman terdahulu anda, CV dan maklumat lain yang berkaitan dengan jawatan yang anda mohon atau jawatan yang mungkin menarik minat anda pada masa hadapan. Anda hanya perlu memberikan maklumat yang ditandakan sebagai wajib. Bidang lain merupakan satu kelebihan dalam permohonan anda tetapi anda bebas untuk tidak menjawabnya dan ini tidak akan memberi kesan kepada permohonan anda.

Sebahagian maklumat yang disenaraikan di atas mungkin tidak akan diminta daripada anda, dan ini bergantung pada undang-undang yang terpakai kepada anda.

**Penilaian:** Semasa tempoh permohonan, kami mungkin mengumpul data peribadi melalui pelbagai soal selidik penilaian, contohnya, jawapan dan keputusan ujian kognitif. Untuk maklumat lanjut mengenai proses ini, sila lihat bahagian di bawah yang bertajuk "Apa yang kami lakukan dengannya?".

**Tapisan rakaman video:** Semasa tempoh permohonan, kami mungkin meminta anda menjawab beberapa soalan melalui rakaman video. Anda boleh menolak untuk mengambil bahagian dalam rakaman video tersebut, dan ini tidak akan mempunyai apa-apa akibat (negatif) kepada permohonan anda dengan kami. Untuk maklumat lanjut mengenai proses ini, sila lihat bahagian di bawah yang bertajuk "Apa yang kami lakukan dengannya?".

**Onboarding:** Apabila anda menerima tawaran kerja kami, kami akan meminta data peribadi tambahan supaya kami dapat menyediakan kontrak pekerjaan anda, contohnya maklumat akaun bank anda untuk membayar gaji anda, salinan permit kerja anda, nombor keselamatan sosial anda, butiran hubungan kecemasan atau bukti kelayakan anda. Data peribadi yang kami minta daripada anda dalam fasa ini mungkin berbeza di setiap negara di mana kami beroperasi dan ia tertakluk kepada keperluan undang-undang tempatan.

Kami juga mengumpul maklumat yang anda berikan kepada kami atas permintaan kami atau melalui borang yang kami minta anda isi semasa proses permohonan.

#### **Secara tidak langsung, daripada sumber lain**

**Agensi pengambilan pekerja:** Kami juga menerima maklumat tentang anda daripada agensi pengambilan pekerja apabila kami kontrak dengan agensi tersebut untuk membantu kami mencari calon yang sesuai untuk sesuatu jawatan. Jika anda menghantar permohonan anda melalui agensi tersebut, mereka mungkin akan meminta maklumat tertentu daripada anda untuk memastikan kesesuaian anda untuk jawatan tersebut. Agensi akan menentukan maklumat yang mereka inginkan daripada anda dan mereka perlu memberikan anda notis privasi mereka sendiri.

**LinkedIn dan pelbagai platform peluang pekerjaan:** Kami menggunakan platform LinkedIn dan platform peluang pekerjaan lain untuk mencari calon yang sesuai dan juga untuk menilai profil para pemohon. Kami mempunyai sebuah "Akaun Perekut" di platform LinkedIn yang membolehkan kami melihat profil penuh anda dan membuat senarai pendek untuk senaraikan calon yang menjanjikan, atau membuat komen secara langsung di platform LinkedIn kami. Jika anda mahu, anda boleh membuat pilihan supaya profil anda tidak dapat dilihat oleh syarikat-syarikat yang menggunakan Akaun Perekut di LinkedIn dengan mengikuti arahan dalam pautan di bawah: <https://www.linkedin.com/help/linkedin/answer/62931/manage-advertising-preferences?lang=en>

**Rujukan pekerja lain:** Jika seorang pekerja Givaudan merujukkan anda untuk jawatan terbuka di syarikat Givaudan, dia akan memberikan, dengan persetujuan anda, nama dan butiran hubungan anda. Maklumat ini diperlukan supaya kami dapat menghubungkan nama anda kepada pekerja yang telah merujuk anda.

**Menjalankan semakan latar belakang:** Untuk fungsi atau lokasi tertentu, kami mungkin menjalankan semakan latar belakang. Hal ini termasuk mengesahkan kemahiran, kelayakan dan

latar belakang anda untuk jawatan tertentu dan maklumat anda atau rekod jenayah anda. Dalam kes ini, kami akan memaklumkan anda tentang permintaan ini dengan sewajarnya.

### Apa yang kami lakukan dengannya?

**Portal kerjaya dan tapisan rakaman video:** Dengan menggunakan data peribadi yang disediakan di portal kerjaya dan, jika berkenaan, semasa tapisan rakaman video, pasukan pengambilan kami dapat memilih calon yang paling sesuai. Semasa sesi temu bual, maklumat tambahan mungkin diminta daripada anda untuk mengenali anda dengan lebih baik

**Penilaian:** Kami mungkin meminta anda untuk mengambil bahagian dalam penilaian mengikut tahap pekerjaan dan / atau fungsi kerja yang dipohon oleh anda. Givaudan mempunyai proses pemilihan yang ketat untuk memastikan pekerja-pekerja masa depan akan berjaya dalam jawatan mereka serta dalam organisasi tersebut. Proses pemilihan ini mungkin terdiri daripada:

- siri penilaian pra-temu duga keupayaan kognitif yang telah disahkan;
- temu bual berstruktur berdasarkan kecekapan;
- kajian kes dan
- dalam kes tertentu, penilaian tambahan yang berkaitan dengan pekerjaan

Gabungan alat-alat ini menambahkan kesahan dan kebolehpercayaan dalam ramalan prestasi kerja masa depan anda.

Kami mengumpul dan menggunakan data peribadi anda untuk kepentingan sah kami, iaitu untuk mempertimbangkan permohonan anda untuk jawatan dalam syarikat ini, dan sekiranya anda berjaya, untuk tujuan menyediakan perjanjian pekerjaan anda.

- menilai kesesuaian anda untuk jawatan yang telah dipohon oleh anda dengan menyemak semua maklumat yang kami kumpulkan daripada anda;
- memajukan permohonan anda sekiranya anda telah memenuhi keperluan untuk jawatan itu;
- memilih calon yang paling sesuai untuk jawatan yang kami iklankan;
- menjalankan program onboarding untuk anda sebaik sahaja anda telah menerima tawaran kerja kami;
- membayar bonus kepada pekerja yang merujuk calon yang berjaya;
- memantau kesaksamaan jantina dan kewarganegaraan di antara semua calon;

- memastikan anda dimaklumkan tentang jawatan terbuka yang mungkin menarik minat anda.

Kami juga akan menggunakan data peribadi anda jika diperlukan untuk memenuhi sebarang kewajipan undang-undang dan peraturan yang mungkin berlaku semasa fasa pengambilan.

### **Dengan siapa kami kongsikannya?**

Data peribadi dan prestasi anda akan dikongsi dengan:

- pasukan pengambilan dan pekerja dalam syarikat Givaudan atau syarikat gabungan Givaudan lain, yang mengambil bahagian dalam proses pemilihan, termasuk pengurus pengambilan pekerja dan penemuduga;
- vendor, yang membantu kami dengan penanjuran proses permohonan, sebagai contoh pembekal sistem tapisan rakaman video kami;
- pihak-pihak berkuasa awam yang berkaitan, untuk memenuhi kewajipan undang-undang kami sebaik sahaja anda menerima tawaran kerja kami, contohnya untuk mendapatkan permit kerja untuk anda.

Jika seorang pekerja Givaudan merujuk anda, perujuk anda akan mengetahui sama ada anda telah menerima tawaran kami, tetapi dia tidak akan dimaklumkan mengenai peringkat permohonan anda sehingga anda menerima tawaran kami.

Akhir sekali, kami mungkin berkongsi data peribadi anda jika diperlukan oleh undang-undang untuk berbuat demikian.

Kami tidak menjual data peribadi anda kepada pihak ketiga.

### **Berapa lamakah kami menyimpan data peribadi anda?**

Maklumat yang kami simpan tentang anda akan dikekalkan dengan cara yang konsisten dengan undang-undang perlindungan data yang berkenaan. Dalam apa jua keadaan, maklumat anda tidak akan disimpan lebih lama daripada yang diperlukan untuk mencapai tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini.

- Dasar dan prosedur kami disediakan berdasarkan kriteria berikut untuk menentukan tempoh pengekalan data peribadi dalam konteks tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas:
- sama ada permohonan anda untuk pekerjaan berjaya;

- tempoh masa yang telah berlalu sejak interaksi terakhir anda dengan kami;
- sensitiviti data peribadi tersebut;
- sebab-sebab keselamatan;
- statut-statut had-masa yang berkenaan;
- sebarang litigasi atau pertikaian sebenar atau berpotensi (contohnya, kami memerlukan maklumat ini untuk mulakan atau mempertahankan tuntutan undang-undang), dalam hal ini kami akan menyimpan maklumat anda sehingga penyelesaian pertikaian tersebut;
- kewajipan pengawalseliaan atau undang-undang untuk mengekalkan data peribadi (contohnya untuk tujuan keselamatan sosial), dalam hal ini kami akan menyimpan maklumat anda selagi diperlukan oleh kewajipan tersebut.

### **Bagaimakah kami melindungi data peribadi?**

Kami menganggap data peribadi anda sebagai maklumat sulit. Kami menggunakan langkah-langkah teknikal dan organisasi untuk melindungi data peribadi anda dan memastikan ia dilindungi daripada akses, pengubahan dan kehilangan yang menyalahi undang-undang. Langkah-langkah organisasi bermaksud, sebagai contoh, kami memastikan bahawa hanya orang yang perlu berbuat demikian untuk tujuan perniagaan mempunyai akses kepada data peribadi anda. Langkah-langkah teknikal bermakna kami melakukan pemeriksaan berkala ke atas infrastruktur kami tetapi juga penyedia perkhidmatan kami untuk memastikan bahawa mereka mematuhi dasar keselamatan Givaudan.

### **Hak Anda**

Anda mengawal data peribadi anda.

**Hak untuk mengakses dan membetulkan.** Anda mempunyai hak untuk meminta salinan data peribadi yang kami simpan mengenai anda dengan menghubungi kami. Kami menjalankan pemeriksaan berkala untuk memastikan kami data peribadi anda dikemaskini. Walau bagaimanapun, kami memerlukan bantuan anda untuk berbuat demikian, jadi sila kemas kini profil anda di portal kerjaya kami secara kerap atau hubungi kami jika anda ingin membetulkan sebarang data peribadi yang telah anda berikan kepada kami.

**Hak untuk membantah dan menyekat.** Anda mempunyai hak untuk membantah pemprosesan data peribadi anda pada bila-bila masa. Dalam keadaan tertentu, anda juga mempunyai hak untuk menyekat pemprosesan data peribadi anda (contohnya, sehingga ketidaktepatan data peribadi anda diperbetulkan oleh kami berikut permintaan anda). Sila ambil perhatian bahawa sebagai kesan daripada anda menjalankan hak ini, kecuali jika anda membantah pemeriksaan video, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan anda dengan lebih lanjut.

**Hak untuk memadam.** Jika anda tidak inginkan kami memproses data peribadi anda lagi, anda boleh menutup profil anda di portal kerjaya kami atau menghubungi kami. Walau bagaimanapun, kami mungkin menyimpan data peribadi tertentu untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan dan mengikut peraturan pengekalan data kami atau seperti yang dinyatakan dalam bahagian "Berapa lama kami menyimpan data peribadi anda" di atas. Sila ambil perhatian bahawa sebagai akibat daripada anda menjalankan hak ini, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan anda lagi.

**Hak untuk mudah alih data.** Anda mempunyai hak untuk mendapatkan, dalam keadaan tertentu, maklumat yang telah anda berikan kepada kami, dalam bentuk berstruktur, biasa digunakan dan boleh dibaca mesin daripada kami supaya anda boleh menggunakan semula untuk tujuan anda sendiri di syarikat-syarikat yang lain.

Bagi individu-individu yang menetap di Kesatuan Eropah ("EU"), hak-hak tambahan berikut tersedia untuk anda:

**Hak untuk tidak tertakluk kepada pembuatan keputusan individu automatik.** Untuk menjalankan pra-pemilihan calon, kadang-kadang kami menyediakan sistem supaya ia semata-mata memutuskan untuk menerima atau menolak permohonan anda berdasarkan kriteria yang ditentukan oleh kami. Di samping itu, sebahagian penilaian kami adalah berasaskan komputer dan hasilnya mungkin tidak diperiksa oleh manusia, dalam hal ini kami memberitahu anda dengan sewajarnya pada permulaan penilaian.

Jika keputusan mengenai permohonan anda telah dibuat semata-mata oleh mesin, anda mempunyai hak untuk meminta keputusan tersebut disemak oleh orang sebenar.

**Hak untuk membuat aduan.** Kami berusaha untuk menjadi telus, melindungi data peribadi anda dan memberikan anda seberapa banyak kawalan ke atas data anda yang kami boleh. Walau bagaimanapun, jika anda menganggap bahawa kami tidak melakukannya dengan mematuhi undang-undang privasi dan perlindungan data yang berkenaan, anda boleh menghubungi kami. Anda juga mempunyai hak untuk membuat aduan dengan pihak berkuasa perlindungan data EU di negara anda atau di negara di mana pengawal data anda berada.

### **Maklumat penting lain yang anda perlu ketahui**

#### **Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI)**

Kami mungkin menggunakan alat AI sebagai sebahagian daripada proses pengambilan pekerja kami. Alat AI ini menggunakan kecerdasan buatan dan teknologi pembelajaran mesin berkaitan dengan permohonan pekerjaan. Kami menggunakan alat ini untuk meningkatkan pengalaman

calon dan untuk meringankan beban perekrut dan/atau pengurus pengambilan pekerja dengan mengesyorkan dan/atau menyerahkan calon untuk dipertimbangkan. Alat AI boleh menilai maklumat yang anda sediakan dalam permohonan anda berdasarkan kriteria peranan. Kriteria yang digunakan ialah nama jawatan, kemahiran, lokasi (bandar dan negara sahaja) dan pengalaman profesional. Juruaudit bebas telah menyemak alat AI (Phenom) yang digunakan oleh Givaudan. Keputusan audit bias yang dijalankan oleh juruaudit bebas boleh dilihat [di sini](#). Givaudan mula menggunakan alat ini pada 1 November 2024.

AI tidak membuat sebarang keputusan pengambilan pekerja dan tidak menyediakan sebarang cadangan atau dokumen sokongan untuk keputusan tersebut. Keputusan sama ada pemohon perlu dipertimbangkan untuk jawatan kosong sentiasa dikhaskan untuk perekrut atau pengurus pengambilan pekerja.

Tiada pembuatan keputusan automatik berlaku dalam pengertian Artikel 22 GDPR.

Jika anda ingin memohon perubahan yang munasabah, sila hubungi  
[global.recruitment@givaudan.com](mailto:global.recruitment@givaudan.com)

Sehubungan dengan pembangunan kecerdasan buatan, data anda diproses berdasarkan kepentingan sah kami menurut Artikel 6(1) ayat 1 (f) GDPR. Kami mempunyai kepentingan sah untuk memastikan bahawa kecerdasan buatan menyesuaikan diri dengan keperluan sebenar.

#### **Pemindahan data antarabangsa**

Kami beroperasi sebagai syarikat global dan kami bergantung kepada penyedia perkhidmatan untuk menyokong solusi global kami. Data peribadi anda mungkin dipindahkan ke negara lain selain daripada negara di mana anda tinggal. Walau bagaimanapun, kami memastikan bahawa pemindahan data antarabangsa sedemikian dijalankan dengan mematuhi undang-undang perlindungan data yang berkenaan.

Jika kami memindahkan maklumat anda ke luar kawasan EEA, kami akan memastikan bahawa maklumat anda dilindungi oleh perlindungan berikut:

- undang-undang negara di mana maklumat anda dipindahkan memastikan tahap perlindungan data yang mencukupi (Artikel 45 GDPR); atau
- pemindahan itu tertakluk kepada klausa-klausa perlindungan data yang diluluskan oleh Suruhanjaya Eropah (Artikel 46.2 GDPR) atau tertakluk kepada Perisai Privasi EU-AS.

Jika anda ingin mendapatkan lebih banyak maklumat berkaitan dengan pemindahan maklumat anda dan / atau langkah-langkah perlindungan yang telah dilaksanakan (termasuk cara untuk menerima salinannya), anda boleh menghubungi kami.

**Perubahan kepada Notis Privasi ini**

Versi terbaru Notis Privasi ini terdapat di halaman ini. Kami mungkin mengubah suai Notis Privasi ini pada bila-bila masa, kecuali jika pengubahsuaian tersebut mengandungi perubahan besar yang mungkin menjelaskan hak-hak individu di bawah undang-undang privasi dan perlindungan data yang berkenaan, dalam hal ini anda akan dimaklumkan tentang perubahan tersebut pada permulaan halaman ini.

**Hubungi Kami**

Sekiranya anda mempunyai soalan lanjut mengenai Notis Privasi ini, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data Kumpulan kami. Anda juga boleh menulis kepada kami di alamat berikut:  
Givaudan International SA

Attn: Group Data Protection Officer Chemin de la Parfumerie 5  
1214 Vernier Switzerland